

## Jangan berani sorok bekalan!



DATUK Rosol meninjau stok barang keperluan di sebuah syarikat pemborong di Kuantan. FOTO Asrol Awang

**Asrol Awang**  
am@hmetrocom.my

PENIAGA yang sengaja menyorok bekalan barang untuk mengaut keuntungan berlebihan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dikenakan tindakan lebih tegas.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, peniaga yang tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan penguatkuasaan.

"Mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

"Dalam keadaan mengaut keuntungan, peniaga jangan menindas pengguna sehingga membebankan mereka," katanya pada sidang media selepas membuat tinjauan sebuah syarikat pemborong di Indera Mahkota, Kuantan, hari ini.



•Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPDNHEP, Mohamed Zahari Razali, Timbalan Pengarah Penguatkuasaan KPDNHEP, Azman Adam dan Ketua pegawai Penguatkuasaan KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali.

Bagaimanapun, Rosol berkata, berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan KPDNHEP akhir-akhir ini, peniaga mulai sedar dengan tindakan tidak beretika itu.

"Mereka sudah tidak berani untuk menyorok bekalan bagi mengelak dikenakan tindakan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kementerian menjangkakan berlaku pembelian panik dalam kalangan pengguna berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), bermula Isnin ini.

Beliau berkata, situasi itu boleh berlaku kerana orang ramai sudah mula keluar bekerja, pada masa sama baru menerima gaji dan bantuan kerajaan.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan rakyat tidak berbuat demikian kerana bekalan barang keperluan mencukupi sepanjang Ramadan dan Aidilfitri.

"Berdasarkan jumlah stok bekalan makanan dan bekalan keperluan harian di negara ini, ia mencukupi sehingga tempoh sembilan bulan.

"Jadi, tidak perlu melakukan pembelian panik, sebaiknya beli barang keperluan sekadar perlu kerana stok bekalan barang keperluan mencukupi," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/573718/jangan-berani-sorok-bekalan>

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 2 Mei 2020 @ 2:12 PM